

22 OCT 1996

AGONG HANTAR PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN KAZAKHSTAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev sempena hari kemerdekaan negara itu Jumaat ini.

Satu kenyataan Wisma Putra berkata Seri Paduka mendoakan bagi kemakmuran berterusan dan kebahagiaan rakyat negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan perutusan yang serupa kepada rakan sejawatan beliau, Akezhan Kazhegeldin.

Perutusan yang serupa juga dihantar oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada Menteri Luar negara itu, Kasymzhomart Tokayev.--BERNAMA

ERE OBA